AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA DEPAN

# Pengesanan selepas bedah siasat punca kes kematian tertunggak

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Jumlah kes kematian tertunggak pesakit COVID-19 yang dilaporkan di negara ini disebabkan terdapat kes yang pesakit dikesan dijangkiti virus berkenaan selepas bedah siasat dijalankan.

Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Kawalan Penyakit Kementerian Kesihatan (KKM), Dr A Mahesh, berkata terdapat perbezaan di antara kes kematian disebabkan COVID-19 dengan kematian bersama virus berkenaan.

Justeru katanya, timbul beberapa kesulitan untuk melaporkan jumlah keseluruhan kes kematian sama ada disebabkan COVID-19 atau tidak, pada tarikh sebenar.

"Kita memberi penekanan pada kes seperti ini kerana penting untuk KKM mengenal pasti keberkesanan vaksin atau kadar kematian dan sebagainya.

"Kita perlu tahu sebab apa individu itu meninggal dunia, adakah akibat COVID-19 atau sebab lain. Namun ini memerlukan masa kerana ia memerlukan pemeriksaan autopsi dan klinikal.

"Ia bukan semata-mata untuk memeriksa pesakit itu positif COVID-19 atau sebaliknya," katanya ketika sesi penerangan bersama media menjelaskan data di dalam laman sesawang COVIDNOW secara maya, semalam.

**AKHBAR : BERITA HARIAN**
**MUKA SURAT : 6**
**RUANGAN : NASIONAL**

# NUTP sedia bekerjasama tingkat kesedaran vaksin

## Bantu usaha hasilkan pelan komprehensif pembukaan sesi persekolahan

*Oleh Rohaniza Idris dan Nas Norziela Nasbah*
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) sedia bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan (KKM) dan Kementerian Pendidikan (KPM) dalam usaha menyampaikan kesedaran kepada guru, ibu bapa dan murid mengenai kepentingan melengkapkan imunisasi COVID-19.

Menyokong penuh pemberian vaksin kepada remaja 12 hingga 17 tahun sebelum pembukaan sekolah, Setiausaha Agungnya, Wang Heng Suan, berkata pihaknya berterima kasih atas usaha KKM melalui menterinya, Khairy Jamaluddin dan Menteri Kanan Pendidikan, Datuk Dr Radzi Jidin yang mengambil pandangan serta cadangan NUTP.

"NUTP yakin kerjasama antara KKM dan KPM akan menghasilkan sebuah pelan yang lebih komprehensif mengenai pembukaan sesi persekolahan dengan memastikan guru dan murid dapat hadir ke sekolah dalam keadaan selamat.

"Justeru, NUTP menyeru warga pengajar dan murid yang layak mendapat vaksin untuk segera mendaftar bagi mendapatkan suntikan vaksinasi COVID-19," katanya dalam kenyataan semalam.

Jumaat lalu, Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali yang juga penyelaras program vaksinasi kepada remaja, dilaporkan berkata KKM menyasarkan semua 3.2 juta golongan 12 hingga 17 tahun lengkap divaksin melalui Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) Remaja menjelang hujung tahun ini.

Pemberian vaksin kepada golongan berkenaan akan dimulakan secepat mungkin membabitkan dua fasa, iaitu golongan berusia 16 hingga 17 tahun yang akan mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) berjumlah kira-kira sejuta orang di seluruh negara.

Bagi peringkat seterusnya, program vaksinasi akan diperluaskan pula kepada golongan berusia 12 hingga 15 tahun, membabitkan kira-kira dua juta orang.

Sarawak sudah memulakan program imunisasi kepada individu berusia 12 hingga 17 tahun sejak Rabu lalu, namun bukan di bawah PICK Remaja.




> NUTP menyeru warga pengajar dan murid yang layak mendapat vaksin untuk segera mendaftar bagi mendapatkan suntikan vaksinasi COVID-19
>
> *Wang Heng Suan, Setiausaha Agung NUTP*



AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19



*Individu yang lengkap dua dos vaksin tetap perlu mematuhi SOP bagi mengelak jangkitan.* (Foto BERNAMA)

# 'Jangan sangsi tahap keberkesanan vaksin'

## Data kematian penerima vaksinasi tak wajar jadi ukuran

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Masih terlalu awal untuk membuat kesimpulan mengenai keberkesanan sesuatu vaksin hanya berdasarkan data mengenai kematian dalam kalangan penerima vaksin COVID-19.

Bekas Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), Prof Datuk Dr Rohaizat Yon, berkata apa yang penting sekarang adalah tidak menimbulkan kesangsian dan berusaha menolak berita palsu serta hujah kumpulan antivaksin.

"Peratusan kematian setiap jenis vaksin COVID-19 perlu diteliti dan dibuat perbandingan menggunakan parameter sama.

"Maklumat sosiodemografi juga diperlukan di samping perincian mengenai negeri, daerah, jantina, rekod kesihatan, status kewarganegaraan dan sebagainya.

"Walaupun individu terbabit melengkapkan dua dos vaksin, faktor lain perlu diteliti, iaitu bila jangkitan disyaki berlaku, adakah dalam tempoh singkat atau selepas tempoh dua minggu selepas menerima dos ke dua.

"Perbandingan dari aspek komorbiditi dalam setiap kematian juga perlu disemak," katanya kepada *BH*, semalam.

Dr Rohaizat berkata, sikap tidak mematuhi prosedur operasi standard (SOP) juga boleh menyebabkan individu menerima vaksin lengkap mendapat jangkitan dikenali sebagai 'Kesan Peltzman'.

Beliau berkata, pelbagai maklumat perlu diperoleh untuk menilai kematian selepas pengambilan dos kedua vaksin misalnya pengalaman dan perbandingan luar negara seperti China, Chile dan sebagainya.

# Data terperinci beri kesedaran patuh SOP

**Kuala Lumpur:** Masyarakat akan lebih peka serta patuh kepada semua prosedur operasi standard (SOP) jika mereka mengetahui perincian setiap kematian disebabkan COVID-19, termasuk data membabitkan individu lengkap vaksinasi.

Pensyarah Perubatan Kesihatan Awam, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Halimatus Sakdiah Minhat, berkata dalam keadaan sekarang, maklumat terperinci semakin menjadi keperluan untuk diakses semua orang.



*Halimatus Sakdiah Minhat*

"Dengan adanya data itu, ia dapat berikan kesedaran kepada komuniti mengenai risiko lain kematian seperti kewujudan komorbiditi, isu kepatuhan SOP, terutama mereka yang lengkap divaksinasi.

"Pada masa sama, kita tidak mahu individu yang lengkap dua dos leka atau terus berasa selamat sehingga mereka mengabaikan SOP ditetapkan.

"Maka, amat wajar KKM memperincikan kadar kematian mengikut jenis vaksin, latar belakang kematian seperti umur, komorbiditi dan mod pekerjaan supaya masyarakat dapat mengambil langkah sewajarnya mengurangkan risiko dijangkiti," katanya kepada *BH*, semalam.

Kelmarin, bekas Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Mohamed Ismail Merican menyarankan KKM supaya memperincikan setiap kematian membabitkan individu yang lengkap vaksinasi pelalian COVID-19 untuk mengetahui punca sebenar membawa kepada kematian itu.

Katanya, KKM perlu menjelaskan jenis vaksin, di mana ia disuntik dan siapa jurusuntik, selain ambil kira tahap kesihatan mangsa ketika dijangkiti.

Dr Halimatus Sakdiah berkata, segala data perlu dikongsi kepada umum termasuk keadaan individu selepas menerima dos lengkap, kesan sampingan dialami serta pergerakan dalam tempoh 14 hari selepas lengkap vaksinasi.

"Dua minggu adalah tempoh kritikal yang perlu dipantau oleh individu selepas lengkap vaksinasi," katanya.

Beliau berkata, perincian itu juga bertujuan memahami punca kes kematian sebelum tiba di hospital (BID) berikutan ada individu cuba mengelak daripada dirawat di hospital kerana takut 'ditidurkan'.

Sementara itu, Profesor Epidemiologi dan Biostatistik, Kuliyyah Perubatan, Universiti Islam Antarabangsa (UIAM), Prof Dr Jamalludin Ab Rahman bersetuju supaya KKM terbuka dalam maklumat berhubung kematian akibat COVID-19, walaupun selepas mendapat dua dos.

"Analisis lengkap perlu dilakukan dengan memberikan maklumat kematian seperti umur, jantina, sejarah penyakit kronik serta lain-lain faktor berkaitan.

"Masyarakat juga mahu pihak berkuasa mengeluarkan analisis BID. Penerangan pihak kerajaan boleh atasi kemerosotan tahap kepercayaan masyarakat," katanya.

# Laporan jumlah kes kematian bersifat dinamik

Dari Muka 1

Dr Mahesh berkata, pihaknya turut mengesan kes kematian bukan disebabkan COVID-19 seperti meninggal akibat kemalangan.

"Namun, apabila bedah siasat dijalankan, 'secara tidak sengaja' kita mendapati kes kematian itu sebenarnya dijangkiti COVID-19," katanya.

Terdahulu, 592 kematian akibat COVID-19 yang dilaporkan kelmarin adalah termasuk kes tertunggak atau *backlog* yang tidak dilaporkan sebelum ini.

Data yang dikongsi laman COVIDNOW menunjukkan, daripada 592 kes terbabit, hanya 100 kematian dicatatkan dalam tempoh 24 jam.

Negara sebelum ini pernah melaporkan kes kematian tertinggi akibat COVID-19 pada 26 Ogos lalu, iaitu 393 kes.

Dalam statistik kelmarin, Selangor mencatatkan kes kematian tertinggi dengan 359 kes, Sabah (53), Kedah (49), Perak (28), Pulau Pinang (27), Negeri Sembilan (15), Kelantan (11), Johor (10), Sarawak (10), Melaka (9), Kuala Lumpur (8), Pahang (6), Terengganu (6) dan Perlis (1).

Perkembangan itu menjadikan jumlah keseluruhan angka korban disebabkan COVID-19 di negara ini mencecah 20,419 kes.

> Sarawak kekal menjadi negeri tertinggi mencatatkan pertambahan kes harian, iaitu sebanyak 5,291 kes. Turut catatkan pertambahan kes ialah Selangor dengan 2,347 kes
>
> *Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan*



Sementara itu, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Perkembangan Perubatan KKM, Dr Faizah Zin, berkata laporan jumlah kes kematian bersifat dinamik.

"Ini bermakna kes yang dilaporkan hari ini akan berubah kerana bergantung kepada kes tertunggak. Contohnya, jika pada 11 September kes kematian dilaporkan ada 100 kes, namun tiga hari kemudian, kita mendapat keputusan sebenar ada tiga lagi kematian dijangkiti COVID-19 pada tarikh sama.

"Maka, pada data diberikan, pada 11 September angka kes kematian bukan lagi 100, tetapi menjadi 103 kes, jumlahnya bertambah seiring kes tertunggak yang dikenal pasti," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, sejumlah 19,198 kes baharu COVID-19 dilaporkan semalam, menjadikan jumlah keseluruhan individu dijangkiti COVID-19 di negara ini mencecah 1,979,698 kes.

Katanya, Sarawak kekal menjadi negeri tertinggi mencatatkan pertambahan kes harian, iaitu sebanyak 5,291 kes.

Katanya, turut mencatatkan pertambahan kes ialah Selangor dengan 2,347 kes, diikuti Johor (2,110), Sabah (1,717), Kelantan (1,435), Pulau Pinang (1,309), Kedah (1,256) dan Perak (1,118).

"Ia disusuli Terengganu dengan 930 kes, Pahang (584), Kuala Lumpur (376), Melaka (340), Negeri Sembilan (283), Perlis (67), Putrajaya (32) dan Labuan (tiga)," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

Gelembung Pelancongan

# 'Terbang' ke Langkawi tidak perlu surat polis

## Hanya pelawat guna jalan darat disyaratkan dapat kebenaran rentas negeri

Oleh Mahani Ishak, Hamzah Osman dan Zuliaty Zulkiffli
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Individu menggunakan pesawat untuk melancong ke Pulau Langkawi, Kedah bermula Khamis ini, tidak perlu mendapatkan surat kebenaran polis.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar, berkata hanya mereka yang menggunakan pengangkutan darat dari luar negeri terbabit perlu berbuat demikian.

"Bagi program perintis pelancongan *travel bubble* Langkawi, surat daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi tujuan rentas negeri dan sekatan jalan raya diperlukan, sekiranya pelancong melalui jalan darat," katanya di laman sosial semalam seperti laporan *BERNAMA*.

Pada 9 September lalu, kerajaan mengumumkan kebenaran kepada pengunjung domestik dari seluruh negara untuk mengunjungi Langkawi, kecuali mereka yang berada di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD).

Kunjungan ke pulau peranginan di utara tanah air yang dipilih sebagai destinasi pertama projek rintis program gelembung pelancongan itu terhad kepada individu yang lengkap dos vaksin COVID-19.

Sementara itu, tinjauan di Langkawi mendapati hotel sudah menerima antara 20 hingga 50 peratus tempahan bilik sejak Khamis lalu.

Tempahan makin bertambah sejurus Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya mengumumkan prosedur operasi standard (SOP) gelembung pelancongan di pulau peranginan itu yang dipilih sebagai projek rintis program itu bermula Khamis ini.

Naib Pengerusi Persatuan Hotel Malaysia (MAH) Kedah/Perlis, Razmi Rahmat, berkata hotel yang bernaung di bawah MAH mula menerima tempahan bilik sehingga 50 peratus, manakala beberapa hotel lima bintang berhampiran Pantai Kok, Datai, Chenang dan Penarak menerima lebih 50 peratus tempahan bilik.

"Tempahan bilik bagi hotel tiga bintang masih perlahan, iaitu sekitar 20 peratus," katanya ketika dihubungi, semalam.

Razmi yang juga Pengurus Besar Hotel Adya Langkawi, berkata peningkatan tempahan hotel lima bintang kerana keluarga berada yang tidak dapat bercuti di luar negara mengambil peluang bercuti di Langkawi.

Sebaliknya, beliau berkata, hotel tiga bintang ke bawah menjadi pilihan golongan pertengahan yang dipercayai masih mengambil sikap berhati-hati, berikutan catatan harian kes COVID-19 di Langkawi masih sekitar dua angka.

"Mereka yang merancang bercuti bersama keluarga menggunakan kereta sendiri dan feri untuk ke Langkawi, mungkin berfikir banyak kali kerana jeti Kuala Kedah masih sebahagian lokaliti dikenakan PKPD sehingga 19 September ini," katanya.

Beliau menjangka tempahan hotel di Langkawi membabitkan individu dan kumpulan meningkat ketara pertengahan Oktober, termasuk bagi penganjuran mesyuarat dan bengkel.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Hotel Bajet Malaysia (MyBHA) Langkawi, Datuk Noorazly Rosly, berkata tempahan yang diterima 45 ahlinya ketika ini amat perlahan kerana SOP menyatakan pelancong jalan darat perlu menggunakan khidmat agensi pelancongan.

"Kerap kali agensi pelancongan akan memilih penginapan di hotel ada bintang kerana komisen tinggi. Kami pengusaha hotel bajet dengan tawaran harga yang memang rendah hanya mampu melihat.

"Seperti hotel lain, kami juga hanya menerima pelancong yang lengkap disuntik dua dos vaksin COVID-19 untuk menginap bagi mengekang penularan COVID-19," katanya.

> "Hotel yang bernaung di bawah MAH mula menerima tempahan bilik sehingga 50 peratus, manakala beberapa hotel lima bintang berhampiran Pantai Kok, Datai, Chenang dan Penarak menerima lebih 50 peratus tempahan bilik"



*Razmi Rahmat*, Naib Pengerusi MAH Kedah/Perlis

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : COVID-19

PROJEK RINTIS GELEMBUNG PELANCONGAN

# HOSPITAL LANGKAWI BERSIAP SEDIA

**Kuala Lumpur**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengingatkan semua bakal pengunjung ke Pulau Langkawi, Kedah di bawah projek rintis gelembung pelancongan domestik agar sentiasa mengamalkan norma baharu dan kekal mematuhi prosedur operasi standard (SOP).

Dalam usaha mengimbangi antara nyawa dan kelangsungan hidup serta ekonomi, Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah menyeru semua pihak bersama-sama memainkan peranan bagi memastikan tiada peningkatan jangkitan virus Covid-19 di pulau percutian itu.

"Kerjasama anda semua adalah sangat diperlukan," kata Dr Noor Hisham dalam hantaran di Facebooknya.

Pada 9 September lepas, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Datuk Seri Nancy Shukri mengumumkan pelancong domestik yang memenuhi kriteria SOP dari seluruh negara termasuk dari negeri Fasa Satu Pelan Pemulihan Negara (PPN) boleh mengunjungi Pulau Langkawi mulai 16 September ini.

Sehubungan itu, Dr Noor Hisham berkata, KKM melalui Jabatan Kesihatan Negeri Kedah sedang meningkatkan kapasiti dan kesiapsiagaan Hospital Sultanah Maliha (HSM) bagi menghadapi sebarang kemungkinan peningkatan kes Covid-19 di Pulau Langkawi yang memerlukan kemasukan ke hospital dan Unit Rawatan Rapi (ICU).

> *"KKM melalui Jabatan Kesihatan Negeri Kedah sedang meningkatkan kapasiti dan kesiapsiagaan HSM bagi menghadapi sebarang kemungkinan peningkatan kes Covid-19 di Pulau Langkawi yang memerlukan kemasukan ke hospital dan ICU"*
>
> **Dr Noor Hisham Abdullah**

HSM merupakan sebuah hospital hibrid yang merawat pesakit Covid-19 dengan 79 katil manakala untuk bukan Covid-19 sebanyak 142 katil.

Dr Noor Hisham berkata, melalui penubuhan Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah *Langkawi International Shooting Range Malaysia* (i-PKRC Lisram) pada 4 Ogos lepas, sebanyak 60 katil tambahan berjaya diwujudkan bagi merawat pesakit Covid-19 kategori satu, dua dan tiga yang berisiko rendah.

"Bagi ICU, sebanyak lapan katil tambahan diwujudkan sebelum ini (*repurposed*) menjadikan kapasiti katil meningkat kepada 13 dan daripada jumlah itu, sembilan katil adalah dikhususkan bagi merawat kes Covid-19," katanya.

Selain itu, beliau berkata, jabatan lain HSM antaranya Jabatan Kecemasan dan Trauma, Jabatan Patologi dan Transfusi Perubatan, Jabatan Pediatrik, Jabatan Forensik serta Unit Hemodialisis turut merancang pelan kesiapsiagaan masing-masing bagi merawat kes Covid-19 yang mungkin akan bertambah.

"Melalui perbincangan yang diadakan bersama pihak HSM dan Jabatan Kesihatan Negeri Kedah, beberapa cadangan penambahbaikan diberikan termasuk penetapan nilai ambang kadar kemasukan pesakit harian sebagai petanda amaran agar tindakan proaktif tertentu diambil.

"Ini termasuk keperluan menambah bilangan katil bukan ICU dan ICU untuk kes Covid-19, mobilisasi petugas kesihatan dan aset dari daerah atau negeri lain, evakuasi pesakit melalui pengangkutan udara ke hospital rujukan lain serta penubuhan PKRC yang dikendalikan oleh pihak swasta," katanya.

# 'Tak perlu surat kebenaran jika guna pesawat'

**Kuala Lumpur:** Individu yang menggunakan pesawat udara untuk melancong ke Pulau Langkawi, Kedah bermula 16 September ini tidak perlu mendapatkan surat kebenaran daripada polis, kata Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin.

Khairy dalam ciapan di laman Twitter berkata, hanya mereka yang menggunakan pengangkutan darat dari luar negeri itu sahaja perlu berbuat demikian.

"Bagi program perintis pelancongan *travel bubble* Langkawi, surat dari Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi tujuan rentas negeri dan sekatan jalan raya diperlukan sekiranya pelancong melalui jalan darat," katanya.

Pada 9 September lalu, kerajaan mengumumkan kebenaran kepada pengunjung domestik dari seluruh negara untuk mengunjungi Langkawi kecuali mereka yang berada di kawasan yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Pulau peranginan di utara tanah air yang dipilih sebagai destinasi pertama projek rintis program gelembung pelancongan itu adalah terhad kepada individu yang lengkap dos vaksin Covid-19. - Bernama



> *"Surat rentas negeri dan sekatan jalan raya diperlukan jika guna jalan darat"*
>
> Khairy

# 38,260,575 dos suntikan vaksin sudah diberikan setakat kelmarin

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 72.7 peratus atau 17,026,781 individu daripada populasi dewasa di negara ini sudah lengkap menerima suntikan vaksin Covid-19 setakat, kelmarin, menurut Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin Covid-19 (JKJAV).

JKJAV menerusi perkongsian infografik di laman Twitter rasminya semalam memaklumkan 90.9 peratus atau 21,290,857 individu daripada populasi dewasa sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos termasuk penerima vaksin dos tunggal CanSino.

Sementara itu, sebanyak 38,260,575 dos suntikan vaksin sudah diberikan setakat kelmarin termasuk vaksin dos tunggal dan dua dos.

"Kelmarin, sebanyak 258,929 dos vaksin sudah diberikan menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick)," menurut JKJAV.

Pick dilancarkan pada 24 Februari lepas bagi memberikan vaksinasi membendung pandemik Covid-19.

**AKHBAR : HARIAN METRO**
**MUKA SURAT : 5**
**RUANGAN : COVID-19**

# 592 kes kematian termasuk kes tertunggak

**Putrajaya:** Data dikongsi di alam laman web *Covidnow* nenunjukkan sejumlah 592 es kematian akibat Covid-19 dilaporkan di negara ni kelmarin.

Bagaimanapun jumlah ang dinyatakan itu termauk kes tertunggak yang tilak dilaporkan sebelum ini.

Untuk rekod, kes kemaian tertinggi pernah dilaorkan di negara ini adalah ada 26 Ogos lalu iaitu seanyak 393 kes.

Menurut data berkenaan, aripada jumlah itu hanya oo kes kematian dicatatkan alam tempoh 24 jam kelnarin.

Menerusi infografik yang ipaparkan di laman web *Covidnow*, jumlah berkenaan termasuk kes tertunggak membabitkan 359 kes dicatatkan di Selangor sekali gus menjadikan negeri berkenaan tertinggi kes kematian Covid-19.

Selain Selangor, negeri lain turut melaporkan pertambahan kes kematian iaitu Sabah dengan 53 kes kematian, Kedah (49), Perak (28), Pulau Pinang (27), Negeri Sembilan (15), Kelantan (11), masing-masing 10 kes kematian di Johor dan Sarawak, Melaka (sembilan), Kuala Lumpur (lapan), masing-masing enam kes di Pahang dan Terengganu dan Perlis (satu).

Data yang dikongsi itu turut menunjukkan hanya dua wilayah tidak melaporkan sebarang pertambahan kes kematian iaitu di Labuan dan Putrajaya.

Pertambahan kes kematian itu menjadikan jumlah keseluruhan angka korban di negara kini sudah mencecah 20,419 kes kematian.

Sementara itu, kes aktif dengan kebolehjangkitan Covid-19 di negara ini turut menunjukkan penurunan iaitu sejumlah 239,351 kes berbanding Jumaat lalu iaitu 242,161 kes.

Daripada jumlah kes aktif itu, 199,480 kes atau 83.3 peratus sedang menjalani kuarantin di rumah, Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Bersepadu (PKRC) (25,602), hospital (12,997), unit rawatan rapi (ICU) yang memerlukan alat bantuan pernafasan (548) serta ICU tanpa bantuan pernafasan (724).

Dalam pada itu, Kementerian Kesihatan (KKM) memaklumkan pihaknya kini dalam proses untuk melakukan pembersihan terhadap data yang tertunggak demi memastikan usaha pelaporan yang lebih telus.

Katanya, berikutan itu pihaknya turut menjangkakan kes harian Covid-19 akan mencatatkan jumlah tinggi dalam beberapa hari lagi.

Kementerian itu memaklumkan, pihaknya juga akan mengemaskini data tertunggak bagi kes kematian dan kes sembuh mengikut tarikh sebenar pelaporan sebelum ini.

# 5,291 - Sarawak catat jangkitan tertinggi

**Kuala Lumpur:** Kes baharu Covid-19 menurun sedikit semalam dengan 19,198 kes baharu Covid-19 direkodkan berbanding 19,550 kelmarin.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah itu menjadikan kes kumulatif keseluruhan 1,979,698 kes.

Menurutnya, Sarawak merekodkan kes harian tertinggi dengan 5,291 kes menjadikan keseluruhan kes di negeri berkenaan berjumlah 156,798 kes.

Beliau berkata, Selangor pula merekodkan 2,347 kes, Johor (2,110 kes), Sabah (1,717 kes), Kelantan (1,435 kes) dan Pulau Pinang (1,309 kes).

"Kes di Kedah pula sebanyak 1,256 kes, Perak (1,118 kes), Terengganu (930 kes), Pahang (584 kes), Kuala Lumpur (376 kes) dan Negeri Sembilan (283 kes).

"Perlis pula merekodkan 67 kes, Putrajaya (32 kes) dan Labuan (tiga kes)," katanya, semalam.

**2,347**
Bilangan kes yang direkodkan oleh Selangor

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : COVID-19

## Wujud piawaian untuk produk basmi virus

**Kuala Lumpur:** Kebimbangan orang ramai terhadap jangkitan Covid-19 menyebabkan ada pihak mengambil kesempatan dengan menawarkan produk pembasmian virus tidak berkesan di pasaran.

Timbalan Presiden Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca) Mohd Yusof Abdul Rahman berkata, penjualan khususnya di platform dalam talian itu tidak harus dibiarkan berleluasa berikutan membahayakan pengguna yang yakin dengan keberkesanan produk itu.

Katanya, garis panduan khusus untuk penggunaan sebarang bahan berkesan untuk membasmi virus Covid-19 perlu diwujudkan segera bagi mengelak pengguna terus tertipu.

"Dalam keadaan sekarang, ramai orang bimbang dengan Covid-19 ini, selagi boleh nak buat langkah pencegahan menyebabkan bercambah produk atau apa saja bahan yang didakwa boleh basmi virus Covid-19 di pasaran, namun tiada bukti saintifik.

"Oleh kerana tiada garis panduan mengenai hal ini, pengguna biasanya percaya bulat-bulat dakwaan dibuat peniaga.

"Namun, perkara ini tidak boleh dibiarkan berleluasa kerana ia memberikan kesan risiko jangkitan kepada pengguna yang percaya kononnya bahan itu boleh mencegah Covid-19," katanya.

Beliau berkata, pihak berkuasa boleh mengambil tindakan terhadap sebarang dakwaan yang tidak berasas dan tiada perakuan.

"Produk macam ini sepatutnya perlu ada piawaian keselamatan lengkap dengan bukti saintifik boleh basmi virus dan mendapat kelulusan pihak berkuasa seperti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"KKM perlu jadikan piawaian ini sebagai keperluan dan boleh mengambil tindakan jika produk dipasarkan itu tidak mendapat kelulusan pihaknya.

"Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) pula boleh mendakwa di bawah Akta Perlindungan Pengguna atas dakwaan iklan palsu," katanya.




# 'Belum tentu boleh bunuh Covid-19'

### *Keberkesanan produk semburan kabus di pasaran belum terbukti*

Oleh Mahaizura Abd Malik
mahaizura@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Lambakan penjualan produk cecair nyahkuman yang digunakan dalam bentuk semburan kabus kini semakin popular, sekali gus mendedahkan risiko masalah kesihatan berganda kepada pengguna.

Isunya, bukan saja keberkesanannya diragui dalam membanteras virus terutamanya Covid-19, malah membimbangkan bahan kimia yang terkandung dalam cecair itu terbukti membahayakan saluran pernafasan manusia.

Semakan Harian Metro mendapati produk cecair nyahkuman menggunakan sebatian seperti benzalkonium chloride (BAC) atau nanosilver dijual secara berleluasa di platform e-dagang atau media sosial sedangkan tiada kajian saintifik mengesahkan keberkesanannya membasmi virus Covid-19.

Sebelum ini, Cawangan Penilaian Teknologi Kesihatan (MaHTAS), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) turut mendedahkan tiada bukti menunjukkan sebatian nanosilver berkesan mencegah Covid-19.

Namun, apa yang mengelirukan sebahagian peniaga turut meletakkan salinan laporan ujian makmal dan Lembaran Data Keselamatan Bahan (MSDS) serta mendakwa produk nyahkuman berkenaan diperakui KKM untuk mengukuhkan dakwaan mereka mengenai 'keberkesanan' bahan itu.


DR BIMO

Pensyarah Jabatan Kimia Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Madya Dr Bimo Ario Tejo berkata, keberkesanan alat penyembur nano untuk membunuh virus Covid-19 bergantung kepada jenis cecair nyahkuman yang digunakan.

Katanya, kebanyakan penyembur nano menggunakan cecair nyahkuman 'amonium kuaterner' seperti BAC atau berasaskan klorin seperti sodium dichloroisocyanurate (NaDCC) dan sodium hypochlorite.

"Keberkesanan BAC yang digunakan untuk membunuh virus Covid-19 masih diragui. Pusat Kawalan Penyakit (CDC) Amerika Syarikat tidak mengesyorkan penggunaan BAC untuk membunuh virus ini disebabkan ketiadaan bukti keberkesanan yang kukuh.

"Berbeza dari BAC, cecair berasaskan klorin seperti NaDCC pula memiliki keberkesanan yang lebih baik untuk membunuh virus Covid-19," katanya kepada Harian Metro.

Beliau berkata, kedua-dua bahan kimia berkenaan memberikan kesan yang membahayakan saluran pernafasan dan paru-paru pengguna apatah lagi jika ia digunakan dengan kerap.

"Dari aspek keselamatan, BAC dan NaDCC yang ditukarkan kepada bentuk kabus menerusi penggunaan bersama alat penyembur itu lebih mudah untuk dihidu dan membahayakan saluran pernafasan manusia.

"Kajian menunjukkan sebatian BAC jika terhidu boleh menyebabkan 'bronchoconstriction' terutama kepada penghidap asma manakala NaDCC pula menyebabkan kerengsaan hidung, tekak dan paru-paru.

"Justeru, aspek keberkesanan dan keselamatan mesti diambil kira dalam penggunaan penyembur nano ini, malah penggunaan cecair nyahkuman yang tidak berkesan memberi perasaan aman palsu (*false sense of security*) yang sudah tentu merisikokan pengguna kepada jangkitan Covid-19," katanya.

Menurutnya, masyarakat perlu memahami mekanisme pembasmian bakteria dan virus berbeza kerana proses pembiakannya juga tidak sama.

"Ada juga yang menggunakan cecair nanosilver sedangkan sebatian ini hanya berkesan membunuh beberapa bakteria saja tetapi masih tiada bukti keberkesanan membasmi virus Covid-19.

"Kita tidak boleh samakan apa yang terbukti berkesan membunuh bakteria boleh juga membunuh virus apatah lagi Covid-19 ini masih lagi perlukan kajian lanjut.

"Perlu difahami, jika sebatian nyahkuman boleh merencatkan pembiakan mikro organisma bakteria, virus pula membiak dalam sel tubuh badan kita, tetapi ia hanya statik atau mati jika di luar permukaan kulit," katanya.

## KPDNHEP, KKM bincang cecair semburan nano

**Kuala Lumpur:** Kementerian Perdagangan Dalam negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sedang mengadakan perbincangan dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berhubung keberkesanan cecair nyahkuman yang digunakan dalam bentuk semburan nano.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, perkara itu masih dalam peringkat perbincangan.

"Setakat ini, kita tak dapat satu keputusan membuktikan cecair itu boleh mematikan virus Covid-19.

"Memang cecair ini belum disahkan berkesan lagi jadi kita nasihatkan pengguna jangan terpedaya sehingga terbukti bahan itu berkesan.

"Pengguna juga perlu pastikan pengesahan atau kelulusan pihak berkuasa pada label produk sebelum membeli apa saja bahan yang didakwa mencegah virus Covid-19," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Katanya, tindakan mengikut Akta Perihal Dagangan (APD) akan dikenakan terhadap syarikat atau penjual yang mendakwa produk itu berkesan.

"Kita boleh siasat dan minta peniaga turunkan iklan itu. Buat masa ini, kita belum terima sebarang laporan berhubung isu ini kemungkinan pengguna pun tidak sedar perkara ini.

"Peniaga yang *overclaim* mendakwa produk itu berkesan tetapi tiada bukti, keberkesanannya dipersoalkan atau tidak mendapat perakuan KKM, boleh diambil tindakan di bawah APD," katanya.


ANTARA produk nyahkuman yang digunakan dalam bentuk semburan kabus yang dijual di pasaran.

**AKHBAR : KOSMO**
**MUKA SURAT : 4**
**RUANGAN : NEGARA**

Turut melibatkan 100 individu meninggal dunia termasuk 88 pesakit BID kelmarin

# 592 kematian termasuk kes *backlog*

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

**PUTRAJAYA** – Sebanyak 592 kes kematian yang dipaparkan menerusi laman web *COVIDNOW* turut melibatkan kes tertunggak atau *backlog* serta belum dilaporkan sebelum ini.

Mengikut data tersebut, hanya 100 kematian harian akibat Covid-19 direkodkan dalam tempoh 24 jam kelmarin, manakala jumlah terkini kematian mencecah 20,419 kes.

Daripada keseluruhan 592 kes kematian tersebut, Selangor mencatatkan kes kematian tertinggi (359 kes), Sabah (53), Kedah (49), Perak (28), Pulau Pinang (27), Negeri Sembilan (15), Kelantan (11), Johor dan Sarawak (masing-masing 10), Melaka (sembilan), Kuala Lumpur (lapan), Pahang dan Terengganu (masing-masing enam) dan Perlis (satu kes).

Hanya Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan yang tidak mencatatkan kes kematian dalam tempoh 24 jam kelmarin.

"Data kematian ini turut melibatkan 88 kes kematian di luar hospital atau *brought-in-dead* (BID)," katanya.

Berdasarkan laporan sebelum ini, kes kematian melebihi 300 sehari dicatatkan pada 8 Ogos lalu dengan 360 kematian sementara rekod tertinggi yang maut akibat wabak Covid-19 ialah 393 orang pada 26 Ogos lalu.

Angka kematian terus melepasi 300 kes sehari sepanjang September dengan 341 kes kelmarin.

Dalam pada itu, Kementerian Kesihatan (KKM) memaklumkan, dalam usaha memastikan pelaporan yang telus, pihak kementerian kini dalam proses melakukan pembersihan data tertunggak dan data kes harian dijangka lebih tinggi dalam beberapa hari.

"KKM antara lain akan mengemas kini data kematian dan discaj mengikut tarikh sebenar kematian dan discaj berbanding tarikh pelaporan sebelum ini," katanya di sini semalam.

Sementara itu, sebanyak 239,351 kes aktif dilaporkan dengan 199,487 kes dikuarantin di rumah, 25,595 kes di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC) serta 12,997 kes dimasukkan ke hospital.

Terdapat 548 kes sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) serta memerlukan alat bantuan pernafasan dan 724 kes di ICU tanpa bantuan pernafasan.



**PETUGAS kesihatan menguruskan mayat pesakit yang meninggal dunia akibat Covid-19.** – GAMBAR HIASAN

**COVID-19**

**Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam**

| | Jumlah |
|---|---|
| Kes baharu | 19,198 |
| Import: | 5 |
| Tempatan: | 19,193 |
| Pulih | 20,980 |
| Jumlah kes sembuh | 1,721,713 |
| Jumlah kes keseluruhan | 1,979,698 |



**ORANG ramai melakukan aktiviti riadah pada hujung minggu di Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur semalam.** – SHIDDIEQIIN ZON

# Sarawak catat kes harian tertinggi

**PUTRAJAYA** – Sebanyak 19,198 kes baharu dilaporkan semalam, dengan Sarawak mencatatkan penularan harian Covid-19 tertinggi dengan 5,291 kes.

Angka penularan harian tersebut menjadikan jumlah kes positif Covid-19 negara mencecah 1,979,698 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, Sarawak merekodkan sebanyak 5,291 kes, diikuti Selangor (2,347 kes) dan Johor (2,110 kes).

"Sabah (1,717 kes), Kelantan (1,435 kes), Pulau Pinang (1,309 kes), Kedah (1,256 kes), Perak (1,118 kes), Terengganu (930 kes), Pahang (584 kes), Kuala Lumpur (376 kes), Melaka (340 kes) dan Negeri Sembilan (283 kes).

"Perlis pula (67 kes), Putrajaya (32 kes) dan Labuan (tiga kes)," katanya di Facebook semalam.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak, Datuk Dr. Mohamed Sapian Mohamed dalam kenyatan berkata, jumlah kes harian itu semalam merupakan bilangan kes baharu tertinggi di Sarawak.

"Ini hari kelapan berturut-turut bilangan kes harian melebihi angka tiga ribu bermula 5 September lalu.

"Jumlah 5,291 kes baharu ini adalah daripada 28,065 keputusan sampel yang diuji dan kadar positif adalah 18.8 peratus. Kadar ini meningkat dari purata 14.5 peratus," katanya.

Tambahnya, ini menunjukkan penularan Covid-19 berlaku meluas dalam komuniti.

**AKHBAR : SINAR HARIAN**
**MUKA SURAT : 7**
**RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT**

# Angka sembuh rekod 20,980 kes

Malaysia catat kes sembuh mengatasi kes jangkitan baharu Covid-19




**KUALA LUMPUR**

Jumlah kes sembuh daripada Covid-19 dalam tempoh 24 jam di Malaysia adalah sebanyak 20,980 iaitu lebih tinggi daripada angka kes baharu bagi tempoh sama.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, perkembangan baharu itu menjadikan jumlah kumulatif individu pulih daripada wabak berkenaan di negara ini kini sebanyak 1,721,713.

Dr Noor Hisham berkata, terdapat 1,298 kes sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) merangkumi 960 kes disahkan Covid-19, sementara 338 lagi adalah *suspected, probable*, dan kes dalam siasatan.

"Sejumlah 744 kes memerlukan bantuan pernafasan melibatkan 444 kes disahkan Covid-19, manakala 300 adalah kes *suspected, probable* dan kes dalam siasatan," katanya dalam kenyataan di sini pada Ahad.

MENDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

Terdahulu, dalam perkongsian infografik data kes baharu, beliau berkata, sebanyak 19,198 kes dilaporkan menjadikan jumlah keseluruhan kes di seluruh negara kini 1,979,698.

Katanya, Sarawak kekal negeri tertinggi melaporkan kes harian, iaitu 5,291 kes.

Tujuh lagi negeri merekodkan bilangan kes empat angka adalah Selangor (2,347), Johor (2,110), Sabah (1,717), Kelantan (1,435) Pulau Pinang (1,309), Kedah (1,256) dan Perak (1,118).

Negeri lain yang melaporkan kes tiga angka dan ke bawah adalah Terengganu (930), Pahang (584), Kuala Lumpur (376), Melaka (340), Negeri Sembilan (283), Perlis (67), Putrajaya (32) dan Labuan (tiga).

Dr Noor Hisham menjelaskan hanya 253 daripadanya atau 1.3 peratus ialah pesakit kategori tiga, empat, dan lima, manakala 18,945 kes (98.7 peratus) lagi terdiri daripada pesakit kategori satu dan dua.

Terdapat 34 kluster baharu iaitu 17 kluster tempat kerja, 14 kluster komuniti, dua kluster kumpulan berisiko tinggi dan satu kluster keagamaan. - *Bernama*

## 592 kematian termasuk kes *backlog*

**PUTRAJAYA** - Sebanyak 592 kes kematian akibat Covid-19 yang direkodkan pada Sabtu seperti yang dimuat naik menerusi laman baharu Kementerian Kesihatan (KKM) di *https://covidnow.moh.gov.my/* termasuk kes-kes *backlog* atau data tunggakan.

Ketua Data Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis (CPRC), Dr Mahesh Appannan berkata, daripada jumlah itu, hanya 100 kematian direkodkan dalam tempoh 24 jam iaitu sehingga 11.59 malam 11 September, manakala baki 492 kes tidak pernah dilaporkan sebelum ini.

Katanya, KKM mengambil pendekatan telus dalam melaporkan jumlah kematian dan kes kematian di luar fasiliti kesihatan. - *Bernama*

## SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

**KADAR PENGGUNAAN ALAT BANTUAN PERNAFASAN, ICU, KATIL HOSPITAL COVID-19 DAN PUSAT KUARANTIN**
Dikemaskini 11 September 2021, 11.59 malam

| NEGERI | Alat Bantuan Pernafasan (%) | ICU (%) | Katil Hospital (%) | Pusat Kuarantin (%) |
|---|---|---|---|---|
| WP LABUAN | 17.4 | 21.7 | 71.3 | 24.3 |
| TERENGGANU | 43.8 | 68.9 | 60.9 | 65.7 |
| LEMBAH KLANG | 30.5 | 79.6 | 51.2 | 68.9 |
| SARAWAK | 27.5 | 72.8 | 66.9 | 70.9 |
| SABAH | 44.4 | 75.1 | 73.3 | 63.9 |
| PERLIS | 41.4 | 47.4 | 94.3 | 38.0 |
| PERAK | 47.3 | 95.5 | 81.2 | 65.4 |
| PULAU PINANG | 56.6 | 101.8 | 85.8 | 40.3 |
| PAHANG | 56.9 | 73.3 | 64.7 | 80.9 |
| NEGERI SEMBILAN | 32.8 | 48.2 | 62.3 | 19.0 |
| MELAKA | 39.1 | 65.0 | 70.6 | 56.5 |
| KELANTAN | 31.7 | 66.5 | 77.2 | 71.1 |
| KEDAH | 54.9 | 112.2 | 87.3 | 59.3 |
| JOHOR | 40.5 | 89.9 | 94.5 | 75.8 |
| MALAYSIA | 38.1 | 78.6 | 71.1 | 66.0 |

Bersama Hentikan Wabak COVID-19 moh.gov.my
Untuk maklumat lanjut: covidnow.moh.gov.my

**Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia**




INFOGRAFIK: SINAR HARIAN/EPIC

*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 11 September 2021

**JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI**

| JUMLAH KESELURUHAN: | PULIH: | ICU: | KEMATIAN: | KES BAHARU | SUDAH DIVAKSIN |
|---|---|---|---|---|---|
| 1,979,698 | 1,721,713 | 1,298 | 20,419 | 19,198 | 38,260,575 |

**AKHBAR : SINAR HARIAN**
**MUKA SURAT : 8**
**RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT**

# Pastikan pelancong patuh SOP

PDRM pantau secara menyeluruh aktiviti pelancongan di Langkawi

Oleh ROSLINDA HASHIM

KUALA KEDAH



Mazlan (kanan) memeriksa surat kebenaran polis daripada penduduk terlibat PKPD di SJR Kuala Kedah pada Ahad.

Pemantauan lebih menyeluruh akan diadakan bagi memastikan pelancong mematuhi prosedur operasi standard (SOP) gelembung pelancongan yang ditetapkan di Pulau Langkawi, bermula 16 September ini.




Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Mazlan Lazim berkata, pasukan pemantau akan digerakkan di bawah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Langkawi termasuk penambahan anggota bagi melakukan pemeriksaan di lokasi-lokasi pelancongan.

Menurutnya, kesemua pelancong perlu mematuhi SOP khusus terbabit bagi mengelak penularan pandemik Covid-19, selain pihak polis akan memastikan pelaksanaan SOP dipatuhi termasuk penggiat industri pelancongan.

"Saya ingin mengingatkan semua pihak, walaupun Langkawi dibuka secara gelembung pelancongan, mereka perlu mematuhi setiap SOP ditetapkan.

"Kesemua prosedur dan SOP yang dikeluarkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) perlu dipatuhi.

"Anggota polis akan memainkan peranan dengan melakukan pemantauan secara lebih berkesan," katanya pada sidang akhbar selepas meninjau operasi Sekatan Jalan Raya (SJR) Kuala Kedah di sini pada Ahad, selepas PKPD dikuat kuasa di dua lokaliti mukim terbabit bermula 6 hingga 19 September.

Hadir sama Ketua Polis Kedah, Datuk Kamarul Zaman Mamat dan Timbalan Ketua Polis Kedah, Datuk Mohd Roze Shaari.

Mazlan turut mengingatkan pelancong yang ingin bercuti ke Langkawi perlu mendapatkan surat kebenaran daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Mereka yang mahu ke Langkawi perlu ada surat kebenaran di tempat mereka tinggal, contohnya kalau dari kawasan Brickfields, kena dapatkan surat daripada Balai Polis Brickfields," katanya.

Tambahnya, surat kebenaran polis bagi program perintis pelancongan ke Langkawi itu hanya diperlukan bagi pelancong yang menggunakan laluan darat.

## Pelancong guna pesawat ke Langkawi tak perlu surat polis



KHAIRY

SHAH ALAM - Individu dari negeri lain yang berhasrat melancong ke Pulau Langkawi menggunakan pengangkutan darat perlu mendapatkan surat daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk melalui sekatan jalan raya (SJR).

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar sebaliknya berkata, pelancong yang menggunakan pesawat udara tidak perlu meminta kebenaran daripada polis.

"Bagi program perintis pelancongan *travel bubble* Langkawi, hanya pelancong yang menggunakan pengangkutan darat dari luar negeri diperlukan untuk mendapat surat PDRM bagi tujuan rentas negeri dan SJR.

"Pelancong yang menggunakan pesawat udara tidak perlu surat polis," jelas beliau menerusi ciapan di Twitter pada Ahad.

Pada Khamis, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) mengumumkan prosedur operasi standard (SOP) bagi pembukaan semula destinasi pelancongan pertama negara iaitu Langkawi mulai 16 September ini.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, antara SOP berkenaan ialah destinasi itu boleh dikunjungi pelancong domestik dari seluruh negara termasuk yang berada dalam fasa satu Pelan Pemulihan Negara (PPN).

## KKM pertingkat siap siaga, kapasiti hospital Langkawi



DR NOOR HISHAM

SHAH ALAM - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Kedah sedang meningkatkan kesiapsiagaan dan kapasiti untuk respons Hospital Sultanah Maliha (HSM) di Langkawi bagi menghadapi sebarang kemungkinan peningkatan kes Covid-19 yang memerlukan kemasukan ke hospital dan unit rawatan rapi (ICU).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, peningkatan kesiapsiagaan itu susulan pengumuman Pulau Langkawi sebagai lokasi projek rintis gelembung pelancongan domestik bermula 16 September.

"HSM merupakan sebuah hospital hibrid yang merawat pesakit Covid-19 (79 katil) dan bukan Covid-19 (142 katil).

"Melalui penubuhan i-PKRC (Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19) Lapang Sasar Antarabangsa Malaysia (LISRAM) pada 4 Ogos lalu, sebanyak 60 katil tambahan telah berjaya diwujudkan bagi merawat pesakit Covid-19 kategori satu, dua dan tiga (berisiko rendah)," katanya di Facebook pada Ahad.

Jelasnya, bagi ICU, sebanyak lapan katil tambahan disediakan, menjadikan kapasiti katil meningkat kepada 13.

"Daripada jumlah ini, sembilan katil adalah dikhususkan bagi merawat kes Covid-19," katanya.

Menurutnya, jabatan lain HSM seperti Jabatan Kecemasan dan Trauma, Jabatan Patologi dan Transfusi Perubatan, Jabatan Pediatrik, Jabatan Forensik dan Unit Hemodialisis turut merancang pelan kesiapsiagaan bagi merawat kes Covid-19 yang mungkin bertambah.

"Melalui perbincangan bersama pihak HSM dan JKN Kedah, beberapa cadangan penambahbaikan telah diberikan termasuk penetapan nilai ambang kadar kemasukan pesakit harian sebagai petanda amaran agar tindakan proaktif tertentu diambil.

"Ia termasuk keperluan menambah bilangan katil bukan ICU dan ICU untuk kes Covid-19, mobilasi petugas kesihatan dan aset dari daerah atau negeri lain, evakuasi pesakit melalui pengangkutan udara ke hospital rujukan lain serta penubuhan PKRC kendalian swasta," katanya.

Beliau turut mengingatkan bakal pengunjung Pulau Langkawi agar amalkan norma baharu dan kekal patuh prosedur operasi standard (SOP).



AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

# KKM telus dedah angka kematian

KKM perjelas perbezaan kematian dilaporkan dengan kematian sebenar akibat Covid-19

Oleh NAZRIN ZULKAFLI

SHAH ALAM



DR MAHESH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menjelaskan terdapat perbezaan antara kematian dilaporkan dan kematian sebenar dalam data laporan Covid-19 di negara ini.

Ketua Data, Pusat Kesiapsiagaan dan Tindakan Cepat Krisis Negara (CPRC) KKM, Dr Mahesh Appannan berkata, kematian dilaporkan adalah merujuk kepada hari kes terbabit diumumkan kepada orang ramai.

Menurutnya, kematian sebenar pula merujuk kepada tarikh sebenar kematian itu berlaku.

"Di Malaysia, KKM melaporkan 'kematian disebabkan oleh Covid-19', bukannya 'kematian dengan Covid-19'.

"Kematian disebabkan Covid-19 bermaksud penyelidikan klinikal mendapati bahawa penyebab kematian (CoD) seseorang itu adalah Covid-19.

"Kematian dengan Covid-19 pula, pesakit positif Covid-19 pada waktu kematian (atau tempoh yang singkat sebelum itu)," ciapnya di Twitternya pada Ahad.

Mengulas lanjut, beliau berkata, KKM memberi tumpuan kepada kematian disebabkan Covid-19 kerana ia penting untuk mendapatkan angka yang tepat bagi analisis keberkesanan vaksin, kadar kematian kes dan lain-lain.

Namun, jelasnya, perkara itu mengambil masa kerana memerlukan pemeriksaan autopsi dan klinikal.

"Pada Julai dan Ogos lepas, barisan hadapan kami benar-benar tenat terutama di Lembah Klang. Ia menyebabkan beberapa kelewatan dalam penyiasatan dan seterusnya melaporkan.




"Ia bermaksud bahawa beberapa kematian yang berlaku beberapa minggu yang lalu hanya menyimpulkan penyiasatan, audit dan pelaporan sekarang," ujarnya.

Dr Mahesh berkata, bagi data yang tertangguh akan dilaporkan di *https://github.com/MoH-Malaysia/covid19-public/blob/main/epidemic/deaths_malaysia.csv.*

Jelasnya, jumlah kematian yang dilaporkan di laman web itu adalah mengikut tarikh yang sebenar secara keseluruhan dan khusus kematian di luar hospital (BID).

"Oleh itu, KKM membuat keputusan untuk bersikap telus mengenai kedua-dua nombor ini. Kami sangat jelas berapa banyak yang dilaporkan.

"Kami juga mengkategorikan kes yang dilaporkan sesuai dengan tarikh kematian yang sebenar sehingga rakyat dan pembuat polisi dapat memperoleh gambaran yang tepat," katanya.

## Baru Bian positif Covid-19, tidak dapat hadir sidang Parlimen

**SHAH ALAM** - Ahli Parlimen Selangau, Sarawak, Baru Bian tidak dapat hadir ke sidang Dewan Rakyat yang dijadualkan bermula Isnin kerana perlu menjalani kuarantin selepas disahkan positif Covid-19.

Beliau disahkan positif Jumaat lalu selepas menjalani saringan RT-PCR mandatori tiga hari sebelum persidangan, malah mengalami gejala seperti selesema dan demam ringan.

"Saya dijadualkan menaiki kapal terbang dari Kuching ke Kuala Lumpur hari ini (Ahad) untuk menghadiri persidangan Parlimen yang bermula esok (Isnin).

"Bagaimanapun, saya diuji positif Covid-19 pada malam Jumaat, 10 September 2021 iaitu tiga hari sebelum persidangan Parlimen.

"Saya diminta menjalani kuarantin sehingga 21 September.

"Jadi saya mesti tidak hadir di Parlimen sehingga kuarantin selesai," katanya dalam satu kenyataan di Facebook beliau pada Ahad.

Pada 31 Ogos lalu, Setiausaha Dewan Rakyat, Dr Nizam Mydin Bacha Mydin menerusi satu surat kepada ahli-ahli Dewan Rakyat memaklumkan bahawa persidangan Dewan Rakyat yang dijadualkan bermula 6 September dipinda kepada 13 September ini.

Sementara itu, Baru Bian berkata, mereka yang belum menerima suntikan vaksin Covid-19 digalakkan mendapatkannya kerana ia boleh menyelamatkan nyawa.

"Saya percaya vaksin yang diterima beberapa bulan lalu telah mencegah kesan lebih serius (daripada) memerlukan untuk dimasukkan ke hospital.

"Saya sangat menggalakkan mereka yang belum divaksin untuk mendapatkannya. Ia boleh menyelamatkan nyawa," ujar beliau.

## Lebih 4,000 orang asli pedalaman terima vaksin CanSino

**LIPIS** - Seramai 4,215 masyarakat orang asli di seluruh negara telah menerima satu dos vaksin Covid-19 jenis CanSino bermula awal bulan ini.

Timbalan Menteri I Pembangunan Luar Bandar (KPLB), Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad berkata, vaksin CanSino diberikan kepada masyarakat orang asli di seluruh negara khususnya di kawasan pedalaman dan sukar dihubungi.

Menurutnya, bekalan vaksin tersebut dijangka dapat diselesaikan pada Oktober depan.

"Setakat ini, hampir 83 peratus atau 124,000 masyarakat orang asli telah mendapat bekalan vaksin termasuk jenis Pfizer dan Sinovac.



Abdul Rahman (tiga, kiri) membawa bekalan vaksin Cansino yang baharu diterima.

"Kalau kita lihat, pelaksanaan vaksinasi agak perlahan pada peringkat awal kerana kekurangan vaksin, tetapi sekarang proses vaksinasi sangat pantas.

"Saya percaya dalam bulan September dan Oktober, kita boleh selesaikan 100 peratus kerana kita hanya menggunakan vaksin satu dos," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas melancarkan program Jangkauan Luar Vaksinasi Masyarakat Orang Asli di Lipis pada Ahad.

Dalam program tersebut, bekalan vaksin CanSino dihantar oleh pegawai Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) dan petugas Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Lipis menggunakan helikopter Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) ke tiga lokasi termasuk Pos Lejang, Pos Titom dan Pos Sinderut.

Abdul Rahman menjelaskan, pihaknya akan menjelajah ke kawasan pedalaman dalam usaha vaksinasi masyarakat orang asli dengan kerjasama JAKOA dan PKD.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : DALAM NEGERI

# Melancong ke Langkawi naik pesawat tak perlu surat polis

Oleh NADIA HASHIM
nadia.hashim@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Pelancong yang mahu ke Langkawi menggunakan pesawat tidak perlu mendapatkan kebenaran mahupun mengemukakan surat polis.

Menurut Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, hanya pelancong yang menggunakan pengangkutan darat dari luar negeri perlu mendapatkan surat kebenaran pihak polis.

"Bagi program perintis pelancongan *travel bubble* Langkawi, hanya pelancong yang menggunakan pengangkutan darat dari luar negeri sahaja diperlukan mendapat surat PDRM bagi tujuan rentas negeri dan sekatan jalan raya (SJR)," katanya dalam Twitter beliau semalam.

Sementara itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berharap penjelasan berkenaan dapat menjawab kekeliruan orang ramai mengenai keperluan kebenaran daripada pihak polis.

"Diharapkan penjelasan ini akan merungkai kekeliruan mengenai keperluan permit polis untuk ke Pulau Langkawi," katanya.



KHAIRY JAMALUDDIN

Terdahulu, pelancong domestik seluruh negara yang memenuhi kriteria prosedur operasi standard (SOP) termasuk dari negeri berada dalam Fasa Satu Pelan Pemulihan Negara (PPN) boleh mula mengunjungi Langkawi mulai 16 September ini.

Walau bagaimanapun, kebenaran itu tidak terpakai kepada mereka yang sedang berada di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Itu antara SOP bagi pembukaan semula destinasi pelancongan pertama negara, Langkawi mulai Khamis depan seperti diumumkan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Nancy Shukri.



**KEDAI coklat antara yang akan dikunjungi ramai apabila kerajaan membenarkan aktiviti pelancongan di Langkawi bermula Khamis ini. - UTUSAN/ SHAHIR NOORDIN.**

Menurut Nancy, pelancong yang ingin pergi ke Langkawi juga mempunyai pilihan untuk menggunakan jalan udara dan darat.

Namun begitu katanya, pergerakan melalui jalan darat memerlukan pelancong menggunakan perkhidmatan agensi pelancongan, sekurang-kurangnya menggunakan perkhidmatan pengangkutan dari destinasi permulaan ke jeti feri untuk ke Langkawi.

**AKHBAR : NEW STRAITS TIMES**
**MUKA SURAT : 4**
**RUANGAN : NATION/NEWS**

COVID-19 UPDATE

# 19,198 NEW CASES RECORDED

## Sarawak remains the state with highest number of new infections



*People exercising while adhering to the standard operating procedures at Taman Tasik Titiwangsa in Kuala Lumpur yesterday.* PIC BY EIZAIRI SHAMSUDIN

MOHAMED BASYIR
**KUALA LUMPUR**
news@nst.com.my

MALAYSIA reported 19,198 new Covid-19 cases up to noon yesterday, taking the national tally to 1,979,678.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said Sarawak again topped the list of states in terms of Covid-19 case numbers, making up more than a quarter of the total cases, with 5,291 new infections.

Selangor reported 2,347 cases while Johor had 2,110 cases.

Penang recorded 1,309 cases, followed by Sabah (1,707), Kedah (1,256), Kelantan (1,435) and Perak (1,118).

Meanwhile, Terengganu recorded 930 cases followed by Pahang (584), Kuala Lumpur (376), Melaka (340) and Negri Sembilan (283).

"Putrajaya, Perlis and Labuan reported 32, 67 and three cases, respectively," Dr Noor Hisham said.

He said the Intensive Care Unit (ICU) bed utilisation was at 78 per cent, while non-ICU bed utilisation was at 75 per cent.

Kedah and Penang, however, had an ICU bed utilisation for Covid-19 cases at 118 and 100 per cent, respectively.

Malaysia had, on Saturday, reported its highest daily death toll since the start of the Covid-19 pandemic, with 592 fatalities.

Data shared on the Health Ministry's website COVIDNOW on Saturday night showed that the Klang Valley accounted for more than half of the fatalities with 368 deaths (360 in Selangor and eight in Kuala Lumpur).

Sabah reported 53 deaths followed by Kedah (49), Perak (28), Penang (27), Negri Sembilan (14), Kelantan (11), Johor and Sarawak (10 each), Melaka (nine), Terengganu and Pahang (six each) and Perlis (one).

No Covid-19 fatalities were reported in Labuan and Putrajaya.

Of the total, 88 were brought-in-dead cases.

On Friday, the nation reported 341 Covid-19 deaths.

The second highest number of daily Covid-19 deaths was registered on Aug 26 at 393 fatalities.

# 'Death report backlog due to manpower constraints'



*Personnel from the Seberang Prai Utara Health Office and Civil Defence Force burying a Covid-19 victim at the Lahar Yooi Muslim cemetery in Tasek Gelugor yesterday.* PIC BY DANIAL SAAD

**KUALA LUMPUR:** The backlog in Covid-19 death reports, including in highly vaccinated areas, is linked to human resources constraints in reporting real-time data as the country's healthcare system is overwhelmed with increased hospitalisation rates.

The Health Ministry's Disease Control Division senior principal assistant director, Dr Maheshwara Rao Appannan, said there had been delays in investigating the deaths on the ground, leading to delays in reporting the cases to the ministry.

This, he said, explained the backlog in Covid-19 fatalities, which made up the bulk of the reported daily deaths.

On Saturday, 592 new deaths were reported to the Health Ministry, but Dr Maheshwara said only 100 cases were "actual deaths", while the remaining were backlogged data.

"Back in July and August, our frontliners were really overwhelmed, especially in the Klang Valley. This caused some delays in investigations and reporting.

"This means that investigations into and audits on some deaths that happened weeks ago have only concluded recently, and are being reported now," he said in a post on Twitter.

Referring to the Health Ministry's website COVIDNOW, Dr Maheshwara, who is also the Crisis Preparedness and Response Centre head of data, said the reported deaths were based on the day the cases were announced to the public.

He said this was the data the Health Ministry had been reporting, adding that the actual deaths were based on the true date of death.

"In Malaysia, we report deaths 'due to' Covid-19, rather than deaths 'with' Covid-19.

"The term 'due to Covid-19' means clinical investigation has found that the cause of death (CoD) was Covid.-19

"Meanwhile, 'death with Covid-19' means that the patient was Covid-19-positive at time of death (or a short period before).

"We focus on 'deaths due to Covid-19' because it is important to have the correct number for analysis of vaccine effectiveness and fatality rate.

"However, this takes time because it requires autopsy and clinical audit (rather than just checking if the patient is Covid-19- positive)."

The Health Ministry, he said, decided to report on backlogged data to the public to ensure transparency on the death numbers.

"But it is also vital for us to have a proper picture of the trend. In the Klang Valley, deaths are clearly going down, not up (as expected with a high vaccination percentage).

"Therefore, the Health Ministry made a decision to be transparent about both numbers. We are being very clear how many were reported.

"However, we are also categorising the reported cases according to the true date of death, so the people and policymakers can get a proper picture."

He added that all the data for the national and state levels were available on Github at github.com/MoH-Malaysia/covid19-public/blob/main/epidemic/deaths_malaysia.csv.

"We provide numbers according to the reported and actual date of death, both for overall and for BID (brought-in-dead cases) specifically.

"In addition, as Health Minister Khairy Jamaluddin and Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah have announced on Thursday, Malaysia even makes its death line list public. We are one of the few countries that do this."

The line list can be accessed at github.com/MoH-Malaysia/covid19-public/blob/main/epidemic/linelist/linelist_deaths.csv.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NEWS / STORY OF THE DAY

# LANGKAWI SEES HUGE TOURIST INTEREST

## Operators making changes to comply with Covid-19 SOP

KALBANA PERIMBANAYAGAM
**KUALA LUMPUR**
news@nst.com.my

TOURISM operators are seeing a surge in booking inquiries into Langkawi holiday packages ahead of the tourism bubble programme for vaccinated travellers, which starts on Sept 16.

Tour agencies and business operators in Langkawi have started making changes on their premises to make sure they are in accordance with the National Security Council's (NSC) standard operating procedures (SOP) and recommendations.

Tropical Charters chief executive officer and Langkawi Business Association deputy president Datuk Alexander Isaac said tour operators had been inundated with booking inquiries.

"We are excited to be back in action.

"We are grateful for the travel bubble programme and are looking forward to reopening safely, under strict SOP."

He said tour agencies and business operators had started making preparations to ensure that they complied with the SOP.

The NSC and Langkawi Development Authority under the Mysafe Travel's Ceria programme, he said, had carried out a five-day course for all tour, holiday agencies and food and beverage operators to provide training on SOP requirements.

"Tour agencies and operators have taken the safety courses to equip themselves with knowledge and safety preparations," he said.

"The training equips tour operators, tour agents and resort workers with information on what to do or not to do when we reopen.

"They, too, have been taught how to respond to an emergency situation, like whom to call and what to do, which will be helpful in running the sector," he told the *New Straits Times*.

Isaac said in his tour packages, he had included the RTK-antigen tests for all his guests upon arrival to the island.

"This is a precautionary measure that we have taken to resume operations.

"For those who stay longer than five days, we will repeat the RTK-antigen tests as a precautionary measure from our side."

He added that 92 per cent of the island's adult population had been fully vaccinated.

> *"We are excited to be back in action. We are grateful for the travel bubble programme and are looking forward to reopening safely, under strict SOP.*
>
> **DATUK ALEXANDER ISAAC**
> Langkawi Business Association deputy president

Isaac, who is Malaysian Langkawi chairman and Malaysian Association of Tour and Travel Agents adviser for the Kedah/Perlis Chapter, said tour operators must not take the SOP lightly after having been shuttered for almost 18 months.

"This is a pilot project for the government and if it fails to keep the numbers down or a surge happens, the rest of the country may not be able to reopen soon for tourism."

He called on tourism operators to adhere to the SOP when they reopen.

He said Langkawi operators needed the public's cooperation to ensure the success of the programme.

"The spirit of '*kita jaga kita*' plays an important role when we reopen."

He urged visitors who found any operator flouting the SOP to lodge a complaint with the NSC, Health Ministry or the police.

He urged visitors to show support only to operators who followed the SOP strictly.

Daya Sakti Travels and Tours operations manager Suresh Navaratnam said the onus of staying safe was on travellers themselves.



*A woman cycling in Pantai Cenang, with the shops closed due to the Movement Control Order, in Langkawi in June. (Inset) An ice cream seller waiting for customers at the Marina Jetty in Pulau Pangkor last month.* FILE PIX

While welcoming the move to reopen the island, he said the SOP required full cooperation from travellers.

"This (adhering to the SOP) is important. We, as tour agents, will enforce the SOP and keep an eye on tourists to ensure that they follow them.

"We will issue reminders from time to time, but the onus is still on them.

"There is always the risk of infection, so it is imperative to not let your guard down while on holiday.

"If travellers are careful with what they do and obey the SOP, then everyone will be safe."

Suresh said hoteliers, restaurateurs and tourism operators had been told to ensure that customers practise physical distancing, wear face masks, and use hand sanitisers frequently, while ensuring that public amenities and premises were frequently sanitised.

# Health D-G urges visitors to follow S.O.P. to prevent case spike

**KUALA LUMPUR:** The Health Ministry has reminded those intending to visit Langkawi under the tourism bubble pilot programme to abide by the new normal and adhere to the standard operating procedures (SOP).

To find a balance between public health safety and economic survival, Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah urged people to play their role to ensure no Covid-19 cases occurred on the island.

"Your cooperation is very much needed," said Dr Noor Hisham in a post on Facebook.

On Thursday, Tourism, Arts and Culture Minister Datuk Seri Nancy Sukri said domestic tourists who fulfilled the SOP criteria nationwide, including states under Phase One of the National Recovery Plan, were allowed to visit Langkawi beginning Sept 16.

Following this, Dr Noor Hisham said the Health Ministry, through the Kedah Health Department, was increasing the capacity and preparedness of Sultanah Maliha Hospital to face the possibility of a spike in Covid-19 cases on the island, which may require hospital and intensive care unit (ICU) admissions.

Sultanah Maliha Hospital is a hybrid hospital providing treatment for Covid-19 patients with 79 beds, with another 142 beds for non-Covid-19 cases.

Dr Noor Hisham said with the setting up of the Langkawi Covid-19 Low-risk Treatment and Quarantine Centre at the Langkawi International Shooting Range Malaysia on Aug 4, 60 additional beds had been provided to treat categories One, Two and Three low-risk patients.

"As for the ICU at the centre, eight additional beds have been re-purposed, bringing the total number of ICU beds to 13.

"Of the number, nine are reserved for Covid-19 patients."

Other departments at Sultanah Maliha Hospital — including the Emergency and Trauma Department, Pathology Department, Medical Transfusion, Paediatric Department, Forensic Department and the Hemodialysis Unit — were ready in the event of an increase in Covid-19 cases.

Health Minister Khairy Jamaluddin said those going to Langkawi by flight from Sept 16 did not need a permission letter from police.

Khairy, in a post on Twitter, said only those travelling by land from other states needed to do so.

"For the Langkawi tourism travel bubble pilot programme, a letter from the police is for interstate travel and roadblocks, if visitors are travelling by land." **Bernama**

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NATION

# Clarity on reporting Covid-19 deaths

By RAZAK AHMAD
newsdesk@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** There were 100 deaths due to Covid-19 on Saturday, according to figures from the Health Ministry's CovidNow website.

The website listed another 492 Covid-19 fatalities from previous days which could not be confirmed earlier due to a reporting backlog, bringing the total number of deaths to 20,419.

Dr Mahesh Appannan, head of data at the ministry's Crisis Preparedness and Response Centre, said the ministry had decided to release two daily figures relating to Covid-19 fatalities, namely "Reported Deaths" and "Actual Deaths" in order to increase transparency over its reporting backlog.

Reported Deaths are based on the day the fatalities are announced to the public.

Actual Deaths are based on the actual date of death.

"We are categorising the reported cases according to the true date of death, so the rakyat and policymakers can get a proper picture," Dr Mahesh tweeted.

"Back in July/August, our frontliners were really overwhelmed, especially in the Klang Valley.

"This caused some delays in investigation, and therefore reporting. This means that some deaths which happened weeks ago are only concluding investigation, audit and reporting now," he said.

Health Minister Khairy Jamaluddin had earlier tweeted that he had asked Dr Mahesh to explain and provide context and regular insights on datasets that the ministry publishes daily.

Dr Mahesh said the ministry aimed to be transparent on the figures.

"But it is also vital for us to have a proper picture of the trend – in the Klang Valley, deaths are clearly going down, not up (as expected with a high vaccination percentage)," Dr Mahesh added.

He said Malaysia was one of the few countries that made its death list public, referring to an organised and detailed list of each death according to actual and reported date.

Dr Mahesh said the ministry reported deaths as being "due to Covid-19" rather than "with Covid-19".

"Death due to Covid-19" refers to a clinical investigation that has found that the cause of death was Covid-19.

"Death with Covid-19", meanwhile, means that the patient was positive for Covid-19 at the time of death, or a short time before.

"We focus on deaths 'due to Covid-19' because it is important to have the correct number for analysis of vaccine effectiveness, case fatality rate, etc.

"However, this takes time, because it requires autopsy and clinical audit, rather than just checking if the patient is Covid-19-positive," said Dr Mahesh.

Saturday also saw a change in how the ministry announced the number of deaths and active cases.

While the figures had previously been included in the ministry's daily Covid-19 statement, the ministry in its statement on Saturday said that data on deaths, active cases and several other matters would be uploaded to its Github online hosting page as well as the CovidNow website.

# Dip in daily cases as nation approaches 2mil total mark

**PETALING JAYA:** Malaysia's daily new Covid-19 cases saw a slight drop to 19,198 new infections being recorded yesterday.

The cumulative number of cases is now close to the two-million mark with 1,979,698 infections since the pandemic began last year.

Sarawak had the highest number of cases with 5,291, although this comprises a five-day backlog, followed by Selangor (2,347) and Johor (2,110).

Other states with cases above 1,000 are Sabah (1,717), Kelantan (1,435), Penang (1,309), Kedah (1,256) and Perak (1,118).

In his daily Covid-19 statement, Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said 98.7% or 18,945 of the new cases were either mild or asymptomatic.

Another 1.3% or 253 cases were those in Categories 3 to 5.

He said a total of 1,298 patients were in intensive care units (ICUs) with 960 of them confirmed to be Covid-19 cases while 338 were suspected cases and still under investigation.

Among those warded in the ICU, 744 are on ventilator support.

The national infectivity rate or R-naught (R0) stood at 0.99, with eight states recording a higher rate.

These were Sarawak (1.15), Terengganu (1.09), Johor and Perak (1.05), Pahang (1.04), Penang (1.03), Perlis and Kelantan (1.02).

Melaka, Kedah, Sabah, Putrajaya, Negri Sembilan, Selangor and Kuala Lumpur saw a R0 rate of below 1.0 while Labuan is the only area with a zero infectivity rate.

Dr Noor Hisham said there were 20,980 recoveries over the preceding 24 hours.

A total of 34 new clusters were detected, bringing the number of active clusters to 1,440 nationwide.

Of these, 17 were workplace-related, 14 were linked to the community, two involved high-risk groups and one was from a religious group.

# More than 17mil fully vaccinated

**KUALA LUMPUR:** A total of 17,026,781 individuals or 72.7% of the country's adult population have completed their Covid-19 vaccination as at Saturday, according to the Covid-19 Vaccine Supply Access Guarantee Special Committee (JKJAV).

JKJAV, through an infographic on its official Twitter account, said that 90.9% of the adult population have received at least one dose, including recipients of the CanSino single-dose vaccine.

A total of 38,260,575 vaccine doses has been dispensed as at Saturday, including both single-dose and two-dose vaccines.

A total of 258,929 vaccine doses were administered through the National Covid-19 Immunisation Programme on Saturday, according to JKJAV.

The programme was launched on Feb 24 to contain the pandemic. — Bernama

**AKHBAR : THE SUN**
**MUKA SURAT : 4**
**RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS**

# Terengganu to begin teen vaccinations

**KUALA TERENGGANU:** The vaccination programme for teens aged 12 to 17 in Terengganu will begin as soon as 80% of the adult population complete their Covid-19 jabs, said Science, Technology and Innovation Datuk Seri Dr Adham Baba.

A total of 93,262 teens in Terengganu have been identified as eligible Covid-19 vaccine recipients and the immunisation exercise for them would be conducted in schools, he said after monitoring a door-to-door outreach vaccination programme in Taman Desa Paloh yesterday.

He said as of Sept 10, 67% of the adult population in Terengganu had been fully vaccinated while more than 90% had received at least one vaccine dose, adding that as of Saturday, cumulative doses of vaccines administered in Terengganu stood at 1.26 million.

In a related development, Adham said a total of 87,538 senior citizens, 16,093 persons with disabilities and 221,301 individuals with comorbidities in the state had completed their Covid-19 jabs.

He said the state would also receive an additional 643,187 vaccine doses throughout the month.

"Terengganu has also expanded the walk-in vaccination programme for individuals aged 18 and above at selected vaccination centres in all districts. So far, at least 14 centres have implemented walk-in vaccinations," he said. – Bernama

# Data chief explains death figures

**PUTRAJAYA:** The 592 deaths due to Covid-19 recorded on Sept 11 and posted on the newly-launched Health Ministry website include backlog cases, said Crisis Preparedness and Response Centre head of data, Dr Mahesh Appannan.

He said of the 592 cases reported, only 100 deaths were recorded in the 24 hours before 11.59pm on Sept 11, while the remaining 492 cases were previously unreported.

During a media briefing on the data available on the website, Mahesh said the ministry had decided to be more transparent on the figures for reported deaths and actual deaths for overall and brought-in-dead cases.

Reported deaths are based on the day the cases are announced to the public while actual deaths are based on the actual date of death.

"The focus on deaths due to Covid-19 will help to have the correct number for analyses of vaccine effectiveness and case fatality rate," he said.

Mahesh added that the backlog deaths data was due to the human resource system in July and August when frontliners, especially in the Klang Valley, were overwhelmed.

"This caused some delays in investigations. It also means that for some deaths which happened weeks ago, the investigation, audit and reporting were only concluded now," he said.

Apart from CovidNOW (https://Covidnow.moh.gov.my/), similar statistics are also available on a Github online repository page at https://github.com/MoH-Malaysia. – Bernama